


Graduan dari tirai besi

Oktober 19, 2023 @ 7:49pm



Amri dan Farhan berjaya bergelar graduan diploma diploma. - FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Keinginan untuk menyambung pengajian tidak pernah luntur dalam diri Farhan dan Amri (bukan nama sebenar), meskipun sedar mereka perlu menghabiskan hampir keseluruhan usia muda di sebalik tirai besi.

Bagi kedua-dua lelaki dari Sabah itu, status sebagai banduan di Penjara Pusat Kota Kinabalu bukanlah penghalang untuk mengejar cita-cita dalam pelajaran.

Farhan, 32, yang sedang menjalani hukuman sepanjang hayat sebagai Tahanan Limpah Tuan Yang Terutama atas kesalahan bawah Akta 302 Kanun Keseksaan pada 2010, mengakui keputusannya menyambung pengajian adalah untuk membanggakan kedua-dua ibu bapanya.

"Saya sudah berada di penjara sejak berusia 17 tahun. Saya ingin membuktikan kepada keluarga terutama arwah ibu, yang penjara bukan hanya tempat untuk menghukum tetapi juga pusat untuk memperbaiki diri agar menjadi insan lebih baik.

"Penjara banyak mengajar erti kehidupan dengan memberi peluang untuk saya menimba pelbagai ilmu dan kemahiran," katanya kepada Bernama selepas menerima skrol Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Pro Canselor Open University Malaysia (OUM), Tan Sri Azman Hashim, pada Majlis Konvokesyen Ke-27 OUM yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, di sini, dari 14 hingga 17 Oktober lalu.

Selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2010, Farhan memilih untuk menyambung pengajian di OUM pada 2014, namun terhenti seketika pada 2019 sebelum kembali meneruskan pengajian pada 2021.

"Saya hampir tersungkur di pertengahan jalan. Namun, berkat sokongan keluarga, guru dan rakan sepenjara, saya kembali bertekad untuk berjaya. Jika dahulu, saya tersilap langkah, kini saya mahu membuktikan kepada masyarakat yang banduan juga boleh berjaya," katanya.

Anak kelapan daripada sembilan beradik itu tetap optimis dalam mencorakkan masa depannya, agar tidak mengulangi sejarah kelam, malah turut memasang impian untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda sekiranya berpeluang.

"Saya berterima kasih kepada Jabatan Penjara Malaysia kerana memberi peluang untuk saya kembali belajar, malah hingga ke universiti. Bagi saya, gagal sekali bukan bermakna gagal selama-lamanya," katanya yang turut memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dengan pengkhususan dalam bidang jahitan.

Bagi Amir, 30, pula, walaupun situasi pembelajaran di penjara jauh berbeza dengan di luar kerana terikat dengan undang-undang yang ditetapkan, ia bukan penghalang untuknya melanjutkan pelajaran sehingga berjaya memperoleh Diploma Pengurusan Perniagaan daripada OUM.

Lelaki yang berasal dari Manggatal, Kota Kinabalu, Sabah, berkata kejayaan dikecapi itu adalah hasil dorongan keluarga dan rakan di penjara serta guru yang tidak putus-putus membantunya dalam usaha mendapatkan bahan pembelajaran.

"Pengalaman belajar di penjara amat mencabar, apatah lagi selepas OUM memperkenalkan pengajian secara dalam talian. Tambahan pula, penggunaan Internet di penjara terhad tetapi pelbagai perkara perlu dilakukan, sehingga membuatkan saya hampir patah semangat, selain diburukkan lagi apabila dijangkiti COVID-19.

"Namun, saya terharu dan menghargai usaha Jabatan Penjara Malaysia, OUM dan mereka yang terbabit secara langsung atau tidak langsung kerana memberi peluang kedua kepada saya untuk meneruskan pengajian," katanya.

Anak kedua daripada lima beradik itu yang menjalani hukuman penjara sejak berusia 16 tahun itu sempat menitipkan pesanan kepada masyarakat di luar sana agar sentiasa meluangkan masa mengeratkan dan menghargai hubungan kekeluargaan.

Amri yang disabitkan kesalahan bawah Akta 302 Kanun Keseksaan pada 2011, sedang menjalani hukuman penjara sepanjang hayat sebagai Tahanan Limpah Tuan Yang Terutama di Penjara Pusat Kota Kinabalu, Sabah. – BERNAMA